

SOALAN NO: 361

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
SOALAN :**

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebab Projek Pembinaan Hospital Umum di Sri Aman masih ditangguhkan. Bilakah ia akan siap dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Hospital Sri Aman telah diluluskan di dalam RMK-10 di atas tapak seluas 50 ekar di Mukim Undup, Bahagian Sri Aman. Tapak projek yang dicadangkan berpaya dan memerlukan rawatan tanah yang *extensive* dan memerlukan masa yang agak panjang. Sehubungan itu, Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) memutuskan projek ini dilaksanakan dalam dua (2) fasa.

Fasa I

Projek pembinaan Hospital Sri Aman melibatkan kerja-kerja tanah yang berjumlah RM 11.5 juta telah siap dan perakuan siap kerja dikemukakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 29 November 2013.

Fasa II

Fasa II pula melibatkan kerja-kerja pembinaan hospital termasuk kuarters kelas D (2 unit), kuarters kelas- F (8 unit) dan kuarters kelas-G (8 unit). Kos bagi kerja-kerja pembinaan hospital ini telahpun diluluskan oleh KKM dan kerja-kerja pembinaan dijadualkan dapat dimulakan pada pertengahan tahun 2015 dan dijangka siap pada tahun 2018.